



SIARAN MEDIA

PELANTIKAN PENGERUSI SURUHANJAYA TENAGA (ST) BAHRU

PUTRAJAYA, 29 Mac 2018 – Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, YB Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, hari ini mengumumkan pelantikan Pengerusi Suruhanjaya Tenaga (ST) yang baharu, Datuk Ir. Ahmad Fauzi bin Hasan, berkuatkuasa 1 April 2018.

Datuk Ir. Ahmad Fauzi yang berkelulusan ijazah Sarjana Kejuruteraan daripada University of Michigan, Amerika Syarikat pernah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif ST dari tahun 2010 – 2017.

Beliau memulakan kerjayanya di ST pada tahun 2002 dan pernah menyandang jawatan sebagai Pengarah Kawalan Gas, Ketua Operasi dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif sebelum dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif pada tahun 2010.

Sebagai seorang jurutera profesional, beliau mempunyai pengalaman selama 35 tahun dalam bidang seliaan teknikal, keselamatan serta perniagaan bekalan gas dan elektrik. Beliau turut menyumbangkan kepakarannya di peringkat antarabangsa sebagai Ahli Lembaga Eksekutif East Asia Pacific Infrastructure Regulatory Forum.

Pelantikan Datuk Ir. Ahmad Fauzi sebagai Pengerusi ST diharap dapat menyuntik iltizam bagi melaksanakan tanggungjawab dan objektif ST dalam merealisasikan polisi industri perkhidmatan bekalan elektrik negara. Ini termasuk untuk memandu ST memastikan sistem kawal selia yang dinamik dan progresif bagi menggalakkan pembangunan dan mengurus impak industri perkhidmatan bekalan elektrik terhadap masyarakat dan persekitarannya.

Kementerian mengucapkan ribuan terima kasih kepada mantan Pengerusi ST, Dato' Abdul Razak bin Abdul Majid sepanjang tempoh perkhidmatan beliau dari 1 April 2014 hingga 31 Mac 2018.

Sepanjang tempoh perkhidmatan sebagai Pengerusi ST, beliau telah banyak memberi sumbangan dengan pengalaman dan idea berasas yang sangat berguna ke arah mencapai aspirasi, visi dan misi ST.

- Tamat -

Dikeluarkan oleh Pejabat Menteri

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA)